AIA PUBLIC TAKAFUL

Sebahagian dari

THE REAL LIFE COMPANY

AIA

PT0120089/1216

PERLINDUNGAN

**A**-Plus *Hajj*

# Perlindungan Yang Dipertingkatkan Untuk Ibadah Haji Dan Umrah Anda



Sebahagian dari

THE REAL LIFE COMPANY

AIA

AIA PUBLIC TAKAFUL

aia.com.my

## *Haji* dan *Umrah* adalah dua pencapaian penting bagi setiap Muslim, dan setiap orang ingin melalui perjalanan khas ini sekurang-kurangnya sekali seumur hidup. Sedang anda membuat persiapan untuk perjalanan ibadah anda, persediaan dari segi kewangan juga penting supaya anda dan orang yang anda sayangi akan dilindungi sekiranya sesuatu yang tidak diingini berlaku.



Memperkenalkan **A**-Plus *Hajj*, sebuah produk Takaful tambahan unik untuk melengkapkan pelan **A**-Life*Link-i*. **A**-Plus *Hajj* menyediakan perlindungan tambahan sekiranya sesuatu yang tidak diingini berlaku semasa anda menunaikan ibadah *Haji* atau *Umrah*. Sekiranya anda meninggal dunia akibat kemalangan, kami akan membayar sebanyak dua kali ganda jumlah perlindungan, dan keluarga anda akan menerima wang pampasan.

Pelan ini juga menyediakan faedah ihsan sekiranya pasangan anda meninggal dunia semasa menunaikan ibadah *Haji* atau *Umrah*.

**A**-Plus *Hajj* juga mempunyai faedah yang unik dipanggil "Booster Nilai", di mana anda akan menerima bayaran tunai sekali setiap 3 tahun untuk membantu menambah simpanan anda bagi merealisasikan perjalanan *Haji* dan *Umrah* yang anda ingini.

Mula merancang perjalanan seumur hidup anda yang istimewa sekarang!



## Lihat faedah-faedah dengan lebih dekat

### Perlindungan semasa *Haji* dan *Umrah*

- 100% amaun perlindungan dari **A**-Plus *Hajj* akan dibayar sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya menyeluruh kekal (HUMK)[1] semasa menunaikan *Haji* atau *Umrah.*

### Perlindungan ke atas Virus Middle East Respiratory Syndrome (MERS)

- 100% amaun perlindungan dari **A**-Plus *Hajj* akan dibayar sekiranya berlaku kematian disebabkan oleh Virus Middle East Respiratory Syndrome (MERS)[2] semasa atau selepas menunaikan *Haji* atau *Umrah*.

### Perlindungan ke atas Kematian akibat Kemalangan pada setiap masa (tidak terhad kepada semasa menunaikan *Haji* atau *Umrah*)

- 100% amaun perlindungan dari **A**-Plus *Hajj* akan dibayar sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan[1] pada setiap masa.
- 200% amaun perlindungan dari **A**-Plus *Hajj* akan dibayar sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan[1] di dalam pengangkutan awam, pada setiap masa.

### Tambahan Nilai Simpanan Anda

- Nikmati Booster Nilai berjadual, bersamaan dengan 2% dari amaun perlindungan **A**-Plus *Hajj* setiap 3 tahun bermula dari tahun sijil ke-3 sehingga **A**-Plus *Hajj* matang.
- Anda mempunyai pilihan bagaimana Booster Nilai akan dibayar kepada anda:
  - Pengumpulan dan dilabur ke dalam Dana Pelaburan Peserta (DPP) anda; atau
  - Bayaran tunai kepada anda; atau
  - Dikredit ke dalam akaun Tabung Haji anda.

### Faedah *Badal Haji*

- RM 5,000 akan dibayar sekiranya berlaku kematian untuk membantu keluarga anda menguruskan *Badal Haji*[3] apabila anda sudah tiada.

### Faedah Ihsan bagi Pasangan

- Sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini semasa anda atau pasangan anda menunaikan *Haji* atau *Umrah*, kami akan membayar Faedah Ihsan atas kematian pasangan[4] anda dengan jumlah bersamaan dengan 20% dari amaun perlindungan **A**-Plus *Hajj* atau RM 10,000, yang mana lebih rendah.

[1] *Perlindungan sehingga berumur 70 tahun.*

[2] *Virus MERS hendaklah didiagnos tidak lebih dari 21 hari selepas pulang dari menunaikan Haji atau Umrah.*

[3] *Faedah Badal Haji hanya terpakai bagi Orang Dilindungi yang beragama Islam dan jika kematian berlaku pada usia 16 tahun ke atas.*

[4] *Faedah ini adalah terhad untuk sekali sahaja sepanjang tempoh perlindungan **A**-Plus Hajj.*

## Gambaran Keseluruhan bagi **A**-Plus *Hajj*




### Perlindungan Menyeluruh dengan **A**-Plus *Hajj*

Lengkapkan perlindungan dan simpanan anda dengan melampirkan **A**-Plus *Hajj* kepada **A**-Life*Link*-*i*.



**A**-Life*Link*-*i*

- 100% sekiranya berlaku kematian atau HUMK
- Bonus Ulangtahun

\+

**A**-Plus *Hajj*

(a) 100% sekiranya berlaku kematian atau HUMK semasa menunaikan *Haji* atau *Umrah*
(b) 100% sekiranya berlaku kematian disebabkan virus MERS selepas menunaikan *Haji* atau *Umrah*
(c) 100% sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan
(d) 200% sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan di dalam pengangkutan awam
(e) Booster Nilai
(f) RM 5,000 Faedah *Badal Haji*
(g) 20% Faedah Ihsan

*Nota:*

- *Peratusan perlindungan yang dinyatakan di atas masing-masing merujuk kepada peratusan amaun perlindungan bagi pelan asas* **A**-Life*Link*-*i* *dan* **A**-Plus *Hajj*.
- **A**-Plus *Hajj* *akan tamat apabila salah satu daripada kejadian (a), (b), (c) atau (d) berlaku.*

### Mengapa anda perlu menyertai **A**-Plus *Hajj*?




En. Razman menyertai **A**-Life*Link*-*i*.




Dengan **A**-Life*Link*-*i*, En. Razman mendapat perlindungan ke atas kematian dan HUMK.




En. Razman berazam untuk menunaikan *Haji* dan *Umrah*, jadi beliau melampirkan **A**-Plus *Hajj* sebagai faedah tambahan bagi **A**-Life*Link*-*i*.




Dengan **A**-Plus *Hajj*, beliau mendapat perlindungan Takaful tambahan sekiranya berlaku kematian atau HUMK ketika menunaikan *Haji* atau *Umrah* dan perlindungan ke atas kematian akibat kemalangan pada setiap masa.




En. Razman juga dapat menikmati Booster Nilai, suatu faedah berjadual yang membayar 2% dari amaun perlindungan **A**-Plus *Hajj* pada setiap tiga tahun sijil.




En. Razman boleh fokus untuk mencapai azam beliau untuk menunaikan *Haji* dan *Umrah* dengan pakej perlindungan dan simpanan yang menyeluruh dari pelan **A**-Life*Link*-*i* dan **A**-Plus *Hajj*.

## Perkara yang anda perlu tahu

**S: Apakah itu Takaful?**

Takaful ialah skim saling bantu-membantu berdasarkan prinsip-prinsip perpaduan, persaudaraan dan kerjasama. Setiap peserta bersetuju untuk membuat sumbangan berdasarkan *Tabarru'* (derma) ke dalam dana yang akan digunakan iaitu Dana Risiko Peserta (PRF), yang akan digunakan untuk saling bantu-membantu di saat diperlukan.

AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC) sebagai Pengendali Takaful diamanahkan untuk melabur dengan sewajarnya dan menguruskan dana ini berdasarkan strategi pelaburan mengikut prinsip-prinsip Syariah.

**S: Apakah itu A-Plus *Hajj* ?**

**A**-Plus *Hajj* adalah rider penolakan unit patuh Syariah yang menyediakan perlindungan sehingga umur 80 tahun atau sehingga penamatan pelan asas, yang mana terdahulu. **A**-Plus *Hajj* menyediakan perlindungan ke atas kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) semasa menunaikan *Haji* dan *Umrah*, kematian disebabkan oleh Virus Middle East Respiratory Syndrome (MERS) semasa atau selepas menunaikan *Haji* atau *Umrah* dan kematian akibat kemalangan pada setiap masa.

Selain dari itu, **A**-Plus *Hajj* membantu anda menambahkan simpanan untuk *Haji* dan *Umrah* anda dengan menyediakan faedah tunai berjadual iaitu Booster Nilai.

**A**-Plus *Hajj* juga menyediakan faedah *Badal Haji* dan faedah ihsan bagi kematian pasangan semasa mengerjakan *Haji* atau *Umrah*.

**S: Siapakah yang layak untuk menyertai A-Plus *Hajj* ?**

Pelan ini disediakan untuk individu berumur di antara 14 hari dan 60 tahun.

**S: Berapakah amaun perlindungan minimum dan maksimum A-Plus *Hajj* yang saya boleh sertai?**

Amaun perlindungan minimum **A**-Plus *Hajj* ialah RM 10,000 dan amaun perlindungan maksimum ialah amaun perlindungan bagi pelan asas atau RM 1,000,000, yang mana lebih rendah.

**S: Berapakah jumlah *Tabarru'* (sumbangan) yang perlu saya bayar untuk menyertai A-Plus *Hajj* ?**

Jadual di bawah menunjukkan kadar *Tabarru'* bulanan bagi amaun perlindungan RM 100,000 untuk lelaki bukan perokok dengan kesihatan standard bagi umur yang berikut:

| Pelan tambahan | 20 tahun | 30 tahun | 40 tahun |
|---|---|---|---|
| **A**-Plus *Hajj* | RM 65.22 | RM 66.09 | RM 67.64 |

**S: Adakah *Tabarru'* saya akan meningkat bersama usia saya?**

Ya, *Tabarru'* akan meningkat mengikut kepada umur yang dicapai.



**S: Adakah *Tabarru'* bagi A-Plus *Hajj* dijamin?**

*Tabarru'* bagi **A**-Plus *Hajj* ini tidak dijamin dan AIA PUBLIC berhak untuk menukar *Tabarru'* dengan memberi anda notis 3 bulan sebelum ulangtahun Sijil yang seterusnya.

**S: Berapakah yuran dan caj yang perlu saya bayar untuk A-Plus *Hajj* ?**

Tiada yuran dan caj lain yang perlu dibayar selain dari *Tabarru'* yang ditolak.

**S: Adakah saya akan mendapat lebihan?**

Lebihan akan ditentukan dan diisytiharkan, jika ada, setahun sekali oleh Pengendali Takaful. Jika ada lebihan yang wujud daripada Dana Risiko Peserta (DRP), lebihan bersih, selepas ditolak dengan tuntutan yang perlu dibayar dan modal yang diperlukan akan diagihkan kepada Pengendali Takaful dan Peserta-peserta yang layak pada nisbah berikut:

| | Pengendali Takaful | Peserta-peserta |
|---|---|---|
| Lebihan dalam DRP | 50% | 50% |

Lebihan akan dikongsi oleh para Peserta yang layak mengikut kadar *Tabarru'* mereka dan akan dikreditkan ke dalam Akaun Perlindungan setiap Dana Pelaburan Peserta (DPP) individu.

**S: Apakah terma dan syarat bagi faedah-faedah A-Plus *Hajj* ?**

1. Hanya satu daripada faedah-faedah berikut akan dibayar di bawah **A**-Plus *Hajj*: Faedah Kematian atau HUMK semasa menunaikan *Haji* atau *Umrah*, Faedah Kematian disebabkan oleh Virus MERS, Faedah Kematian akibat Kemalangan atau Faedah Kematian Kematian akibat Kemalangan di dalam Pengangkutan Awam.
2. Untuk Faedah Kematian disebabkan Virus Middle East Respiratory Syndrome (MERS), diagnosis mesti dibuat dalam masa 21 hari selepas pulang daripada *Haji* atau *Umrah* untuk faedah ini dibayar.
3. Untuk Faedah Ihsan bagi Kematian Pasangan semasa menunaikan *Hajj* atau *Umrah*, faedah akan dibayar untuk pasangan sah dan jika Pasangan pergi menunaikan Haji atau Umrah bersama dengan Orang Dilindungi. Faedah ini dibayar sekali sahaja bagi setiap Orang Dilindungi sepanjang tempoh **A**-Plus *Hajj*.
4. Syarat-syarat untuk perlindungan semasa *Haji* atau *Umrah* adalah seperti berikut:
    - Tempoh perlindungan ialah tempoh sebenar perjalanan sehingga maksimum 45 hari untuk *Haji* dan 15 hari untuk *Umrah*;
    - Perlindungan bermula apabila Orang Dilindungi memasuki sempadan antarabangsa ketika dalam perjalanan ke Arab Saudi sehingga Orang Dilindungi keluar sempadan antarabangsa di destinasi di mana Orang Dilindungi berangkat dari Arab Saudi.
    - Sempadan antarabangsa mewakili had sempadan di mana Orang Dilindungi menyeberang pemeriksaan Pasport Imigresen Malaysia apabila sedang dalam perjalanan ke Arab Saudi atau dari Arab Saudi.
    - Faedah ini hanya disediakan untuk *Haji* atau *Umrah* sahaja. Ia tidak menyediakan perlindungan ketika Ziarah atau pelancongan, jika Orang Dilindungi melakukan Ziarah atau perlancongan di luar Arab Saudi dalam tempoh *Haji* atau *Umrah*.

**S: Apakah pengecualian-pengecualian utama untuk A-Plus *Hajj* ?**

Tiada perlindungan bagi:

1. Kematian akibat bunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari tarikh penyertaan atau tarikh mula, yang mana kemudian.
2. HUMK yang timbul daripada:
   - Pendedahan kepada bahaya secara sengaja atau cubaan pemusnahan diri atau kecederaan diri semasa siuman ataupun tidak siuman.
   - Perkhidmatan dalam angkatan bersenjata atau pemulihan ketenteraman awam.
   - Aktiviti yang berkaitan dengan sebarang peranti atau pengangkutan udara melainkan sebagai penumpang berbayar untuk penerbangan pengangkutan udara komersial yang melalui laluan penumpang yang ditetapkan.
   - Sebarang kecacatan kongenital yang telah dipaparkan atau telah didiagnosiskan sebelum umur 17 tahun.
   - Hilang upaya yang sedia ada akibat keadaan fizikal atau mental.
3. Kemalangan yang timbul daripada peristiwa berikut:
   - Serangan atau pembunuhan.
   - Rusuhan dan keganasan awam, tindakan industry atau kegiatan pengganas.
   - Pendedahan kepada bahaya secara sengaja atau cubaan pemusnahan diri atau kecederaan diri semasa siuman atau tidak siuman.
   - Peperangan, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, atau revolusi.
   - Perkhidmatan dalam sebarang angkatan bersenjata semasa peperangan diisytiharkan atau tidak diisytiharkan atau semasa menjalani perintah untuk operasi yang menyerupai peperangan atau pemulihan ketenteraman awam.
   - Perlanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau menentang daripada ditahan.
   - Terlibat dalam sebarang pergaduhan atau perkelahian.
   - Kemalangan yang berlaku ketika atau kerana Orang Dilindungi dipengaruhi oleh alkohol, sebarang dadah yang bukan dipreskripsikan atau dadah haram.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah **A**-Plus *Hajj*.



## Untuk perhatian anda

**Pendedahan Am**

1. Risalah ini hanya memberikan ringkasan tentang ciri-ciri utama pelan ini. Ia tidak membentuk satu Sijil Takaful. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk maklumat lanjut tentang terma dan syarat yang lengkap.
2. Jika pelan asas Takaful berkaitan pelaburan di mana **A**-Plus *Hajj* dilampirkan dibatalkan dalam tempoh percubaan 15 hari, yuran *Wakalah*, Nilai Akaun (jika ada), sebarang *Tabarru'* dan Caj Perkhidmatan yang telah ditolak selepas dikurangkan perbelanjaan perubatan (jika ada) akan dipulangkan.
3. **A**-Plus *Hajj* mungkin menyediakan nilai serahan (jika ada) daripada Dana Risiko Peserta (DRP) selepas penamatan.
4. Anda harus memastikan pelan ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar amaun caruman yang perlu dibayar di bawah Sijil ini.
5. Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Keluarga, sila rujuk kepada buku kecil maklumat insuran berkenaan 'Takaful Keluarga', atau layari laman web **www.insuranceinfo.com.my**.

**Risalah ini hanya mengandungi keterangan ringkas mengenai produk ini dan tidak menyeluruh. Anda disarankan untuk mendapatkan salinan Ilustrasi Produk, Helaian Pendedahan Produk dan Helaian Fakta Dana untuk maklumat lanjut tentang produk ini. Untuk penjelasan terperinci berkenaan faedah, pengecualian, terma dan syaratnya, sila rujuk kepada Sijil Takaful.**

The *Hajj* and *Umrah* are two important milestones for every Muslim, and one would want to experience this special journey at least once in their lifetime. As you prepare for your holy pilgrimage, it is important for you to be financially prepared so that in the event of any unfortunate incidents, you and your loved ones will be protected.



Introducing **A**-Plus *Hajj*, a unique Takaful add-on with features to complement the **A**-Life*Link*-*i* plan. **A**-Plus *Hajj* provides extra protection should the unexpected happen to you during your pilgrimage or if you pass away due to an accident, as we will pay twice the coverage amount, and your family will also receive monetary compensation.

The plan further provides compassionate benefit in the event of the death of your spouse during the pilgrimage journey.

**A**-Plus *Hajj* also comes with a unique "Value Booster" feature where you will receive cash payouts once every three years to help you save so that you can make your desired pilgrimage trip a reality.

Start planning today for your special journey of a lifetime now!



## A closer look at the benefits

**Coverage during *Hajj* and *Umrah***

- Pays 100% of **A**-Plus *Hajj* coverage amount if death or Total and Permanent Disability (TPD)[1] happen during *Hajj* or *Umrah* trip.

**Coverage on Middle East Respiratory Syndrome (MERS) Virus**

- Pays 100% of **A**-Plus *Hajj* coverage amount if death happen due to Middle East Respiratory Syndrome (MERS) Virus[2] while or after returning from *Hajj* or *Umrah* trip.

**Coverage on Accidental Death at all times (not limited during *Hajj* or *Umrah* trip)**

- Pays 100% of **A**-Plus *Hajj* coverage amount upon accidental death[1] at all times.
- Pays 200% of **A**-Plus *Hajj* coverage amount if accidental death[1] happens while in public conveyance, at all times.

**Boost Your Savings with Value Booster**

- Enjoy scheduled Value Booster, which equivalents to 2% of **A**-Plus *Hajj* coverage amount for every 3 years, starting from the end of 3rd certificate year until maturity of **A**-Plus *Hajj*.
- You have the options on how the Value Booster to be paid to you:
  - Accumulate and invest it in your Participant's Investment Fund (PIF); or
  - Pay out to you; or
  - Credit into your Tabung Haji account.

***Badal Hajj* Benefit**

- RM 5,000 will be payable upon death to assist your family to arrange for *Badal Hajj*[3] when you are no longer around.

**Compassionate Benefit for Spouse**

- Should the unfortunate happen when you and your spouse are performing *Hajj* or *Umrah*, we shall pay the Compassionate Benefit upon death of your spouse[4], equivalents to 20% of **A**-Plus *Hajj* coverage amount or RM 10,000, whichever is lower.

[1] *Coverage is up to age 70.*
[2] *The MERS Virus must be diagnosed not later than 21 days after returning from Hajj or Umrah.*
[3] *Badal Hajj benefit is only applicable for Muslim Person Covered and if death happens at age 16 and above.*
[4] *This benefit is limited to one time only throughout* **A**-Plus *Hajj coverage term.*

## Overview of **A**-Plus *Hajj*




## Complete Coverage with **A**-Plus *Hajj*

Complete your protection and savings by attaching **A**-Plus *Hajj* to **A**-Life*Link*-*i*.




### **A**-Plus *Hajj*

(a) 100% upon death or TPD during *Hajj* or *Umrah*
(b) 100% upon death due to MERS virus after *Hajj* or *Umrah*
(c) 100% upon accidental death
(d) 200% upon accidental death in public conveyance
(e) Value Booster
(f) RM 5,000 *Badai Hajj* Benefit
(g) 20% Compassionate Benefit

*Note:*
- *The percentage of coverage indicated above refers to the percentage of the coverage amount of the basic plan* **A**-Life*Link*-*i and* **A**-Plus *Hajj, respectively.*
- **A**-Plus *Hajj shall terminate upon occurance of either one of the incidents (a), (b), (c) or (d) above.*



## Why you should participate in **A**-Plus *Hajj*?




En. Razman participates in **A**-Life*Link*-*i*.




With **A**-Life*Link*-*i*, En. Razman has Takaful coverage on death and TPD.




En. Razman aspires to perform *Hajj* and *Umrah* so he attaches **A**-Plus *Hajj* as an add-on benefit to his **A**-Life*Link*-*i*.




With **A**-Plus *Hajj*, he gets extra Takaful coverage upon death and TPD while performing *Hajj* or *Umrah* and coverage on accidental death at all times.




En. Razman also gets to enjoy Value Booster, a scheduled benefit which pays 2% of **A**-Plus *Hajj* coverage amount every 3 certificate years.




En. Razman can focus on achieving his aspiration to perform *Hajj* and *Umrah* with the complete protection and savings package of **A**-Life*Link*-*i* and **A**-Plus *Hajj*.

## Things you should know

**Q: What is Takaful?**

Takaful is a mutual assistance scheme based on the principles of solidarity, brotherhood, and cooperation. Each participant agrees to contribute on the basis of *Tabarru'* (donation) into a fund, namely the Participants' Risk Fund (PRF), which will be used to assist each other in times of need.

AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC) as a Takaful Operator is entrusted to properly invest and manage this fund in accordance with the investment strategy that complies with Shariah principles.

**Q: What is A-Plus *Hajj* ?**

**A**-Plus *Hajj* is a Shariah-compliant unit deducting add-on which provides coverage until age 80 or expiry of the basic plan, whichever is earlier. **A**-Plus *Hajj* provides coverage on death and TPD during *Hajj* and *Umrah*, death due to Middle East Respiratory Syndrome (MERS) Virus while or after *Hajj* and *Umrah* and accidental death at all times.

On top of this, **A**-Plus *Hajj* assists you to boost your savings by providing scheduled benefits with Value Booster.

**A**-Plus *Hajj* also provides *Badal Hajj* benefit and, Compassionate Benefit upon death of person covered's spouse during *Hajj* or *Umrah*.

**Q: Who is eligible to be covered under A-Plus *Hajj* ?**

This plan is available to individuals aged between 14 days old to 60 years old.

**Q: What is the minimum and maximum coverage amount for A-Plus *Hajj* that I can participate?**

The minimum coverage amount for **A**-Plus *Hajj* is RM 10,000 and the maximum coverage amount is the lower of the basic plan's coverage amount or RM 1,000,000.

**Q: How much *Tabarru'* (donation) do I have to contribute to participate in A-Plus *Hajj* ?**

Here is an indication of monthly *Tabarru'* for RM 100,000 coverage amount for a non-smoker male of standard health for the following ages:

| Add-on plan | Age 20 | Age 30 | Age 40 |
|---|---|---|---|
| **A**-Plus *Hajj* | RM 65.22 | RM 66.09 | RM 67.64 |

**Q: Will my *Tabarru'* increase as my age increases?**

Yes, the *Tabarru'* increases depending on your attained age.

**Q: Is the *Tabarru'* for A-Plus *Hajj* guaranteed?**

The *Tabarru'* for **A**-Plus *Hajj* is not guaranteed and AIA PUBLIC reserves the right to revise the *Tabarru'* by giving you 3 months' prior written notice.



**Q: What are the fees and charges that I have to pay for A-Plus *Hajj* ?**

There is no other fees that you need to pay other than the *Tabarru'* deducted.

**Q: Do I get to enjoy surplus?**

Surplus will be determined and declared, if any, once a year by the Takaful Operator. If there is any surplus arising from the Participant Risk Fund (PRF), the net surplus, after claims payable and required capital shall be shared by the Takaful Operator and eligible Participants at the following ratios:

| | Takaful Operator | Participants |
|---|---|---|
| Surplus in PRF | 50% | 50% |

The surplus will be shared with the eligible Participants proportionally in accordance to their *Tabarru'* allocation and will then be credited into the Protection Account of each individual's Participant Investment Fund (PIF).

**Q: What are the terms and conditions for A-Plus *Hajj* Benefits?**

1. Only one of these benefits shall be payable under **A**-Plus *Hajj*: Death or TPD during *Hajj* or *Umrah* Benefit, Death due to MERS Virus Benefit, Accidental Death Benefit or Accidental Death in Public Conveyance Benefit.
2. For Death due to Middle East Respiratory Syndrome (MERS) Virus Benefit, the diagnosis must be made not later than 21 days after returning from *Hajj* or *Umrah* for this benefit to be payable.
3. For Compassionate Benefit upon death of Spouse during *Hajj* or *Umrah*, benefit is payable for legally married Spouse and if the Spouse went to perform *Hajj* or *Umrah* with the Person Covered. This benefit is payable once only per Person Covered throughout **A**-Plus *Hajj* coverage term.
4. Conditions for coverage during *Hajj* or *Umrah* are as follows:
    - The cover period will be the actual length of the trip up to a maximum of 45 days for *Hajj* and 15 days for *Umrah.*
    - The coverage starts when the Person Covered enters the international border when travelling to Saudi Arabia until the Person Covered exits the international border at the destination where the Person Covered departs from Saudi Arabia.
    - International border represents the border limit where the Person Covered crosses the Malaysian Immigration Passport check when travelling to Saudi Arabia or from Saudi Arabia.
    - This benefit will be provided solely for *Hajj* or *Umrah* only. It does not provide coverage during *Ziarah* or travels, if the Person Covered performs *Ziarah* or travels outside of Saudi Arabia during the *Hajj* or *Umrah* period.

**Q: What are the major exclusions for A-Plus *Hajj* ?**

This plan shall not cover:

1. Death caused by suicide within 1 year from the issue date or commencement date, whichever is later.
2. TPD resulting from:
   - Attempted self-destruction or self-inflicted injuries while sane or insane.
   - Service in any armed forces or public order restoration.
   - Activities related to any aerial device or conveyance except as passenger on a commercial airline on an established route.
   - Any congenital defect which has manifested or was diagnosed before the Person Covered attains age 17.
   - Pre-existing disability resulting from a physical or mental condition.
3. Accidents arising from the occurrence of the following:
   - Assault or murder.
   - Riot and civil commotion, industrial action or terrorist activity.
   - Willful exposure to danger or attempted self-destruction or self-inflicted injuries while sane or insane.
   - War, declared or undeclared, or revolution.
   - Service in any armed forces in time of declared or undeclared war or while under orders for warlike operations or restoration of public order.
   - Violation or attempted violation of the law or resistance to arrest.
   - Participation in any fight or affray.
   - Accident occurring while or because the Person Covered is under the influence of alcohol, any non-prescribed drug or illegal drug.

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to Takaful Certificate for the full list of exclusions under **A**-Plus *Hajj*.



## For your attention

### General Disclosures

1. This brochure provides a summary of the main features of this product. It does not constitute a Takaful Certificate. Please refer Takaful Certificate for more details or exact terms and conditions.
2. If the basic certificate of the investment-linked Takaful plan to which **A**-Plus *Hajj* is attached, is cancelled within 15 days free look period, the *Wakalah* Fee, Account Value (if any), any *Tabarru'* and Monthly Service Charge that have been deducted less medical expenses (if any) will be refunded.
3. **A**-Plus *Hajj* may provide surrender value (if any) from Participants' Risk Fund (PRF) upon termination of the rider.
4. You should be satisfied that the plan will best serve your need and you can afford the contribution payable under this certificate.
5. Should you require additional information about Family Takaful, please refer to the insuranceinfo booklet on "Family Takaful" and "Medical and Health Takaful" or visit **www.insuranceinfo.com.my.**

This brochure contains only a brief description of the product and is not exhaustive. It is recommended that you request for a copy of the Product Illustration and Product Disclosure Sheet to know more about this product. For a detailed explanation of its benefits, exclusions, terms and conditions, please refer to the Takaful Certificate.

## Tentang AIA PUBLIC

AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC) dimiliki bersama oleh AIA Co. Ltd. (AIA), Public Bank Berhad (PBB) dan Public Islamic Bank Berhad (anak syarikat milik penuh PBB). DItubuhkan pada 11 Mac 2011, AIA PUBLIC menggunakan kedudukan AIA dan Kumpulan PBB sebagai peneraju di samping infrastruktur dan rangkaian pengedaran di dalam industri insurans dan perbankan yang kukuh bagi memacu pertumbuhan dan meningkatkan penembusan Takaful Keluarga di dalam pasaran domestik.

AIA PUBLIC komited dalam menawarkan penyelesaian Syariah yang tepat bagi memenuhi keperluan yang berbeza pada setiap peringkat kehidupan pelanggan-pelanggan kami.

## About AIA PUBLIC

AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC) is jointly owned by AIA Co. Ltd. (AIA), Public Bank Berhad (PBB) and Public Islamic Bank Berhad (a wholly-owned subsidiary of PBB). Incorporated on 11 March 2011, AIA PUBLIC leverages on AIA and PBB Group's leadership positions as well as established infrastructure and distribution networks in the insurance and banking industries to drive growth and increase the Family Takaful penetration in the domestic market.

AIA PUBLIC is committed to offering the right Shariah solutions to meet the different life stages needs of our customers.

# Hubungi Kami untuk Maklumat Lanjut / Please Contact Us for More Information

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi AIA LIFE PLANNER yang dibenarkan.

Anda juga boleh menghubungi kami di alamat dan talian berikut:

**AIA PUBLIC Takaful Bhd.** (935955-M)
99 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur
Customer Contact : 1300 88 8922
F : 03-2056 3690
E : my.customer@aiapublic.com.my

AIA.COM.MY

**AIA PUBLIC Takaful Bhd. adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. / AIA PUBLIC Takaful Bhd. is licensed under Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.**